

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KEEMPATBELAS**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : YB DATUK SERI DR MUJAHID YUSOF RAWA
(PARIT BUNTAR)**

TARIKH : 8 DISEMBER 2021 (RABU)

SOALAN

DATUK SERI DR. MUJAHID YUSOF RAWA [PARIT BUNTAR] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan status 5 laporan polis ke atas penyelewengan Tabung Haji yang dibuat pada tahun 2018.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Terdapat lima (5) laporan polis telah diterima oleh pihak Polis Diraja Malaysia (PDRM) berkenaan isu penyelewengan Tabung Haji. Jabatan Siasatan Jenayah Komersil, PDRM, berdasarkan laporan polis berkenaan telah mengklasifikasikan siasatan kepada Seksyen 409 Kanun Keseksaan iaitu pecah amanah jenayah oleh penjawat awam bagi satu (1) laporan polis, manakala empat (4) lagi diklasifikasikan di bawah Seksyen 420 Kanun Keseksaan iaitu kesalahan menipu. Kesemua kertas siasatan telah diserahkan kepada Jabatan Peguam Negara untuk kajian dan nasihat perundangan. Susulan kes masih lagi dalam siasatan, saya tidak berhasrat untuk mengulas lanjut bagi mengelakkan sebarang konflik terhadap siasatan berkenaan.